

U B460 DEB  
MAHATHIR - CALON R R R

KUALA LUMPUR, 21 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGESAHKAN BAHAWA BEBERAPA PERUBAHAN MUNGKIN DILAKUKAN PADA PERINGKAT KABINET DAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI JIKA BARISAN NASIONAL DIPILIH SEMULA PADA PILIHAN RAYA UMUM OGOS INI.

BELIAU BERKATA INI KERANA BEBERAPA ORANG PUCUK PIMPINAN DI PERINGKAT PUSAT DAN NEGERI MUNGKIN BERUBAH DARI DEWAN NEGERI KE DEWAN RAKYAT DAN SEBALIKNYA DAN ADA KEMUNGKINAN BEBERAPA ORANG TIDAK LAGI BERTANDING.

PERDANA MENTERI DIMINTA OLEH PEMBERITA MENGULAS LAPORAN-LAPORAN BAHAWA BEBERAPA ORANG MENTERI BESAR AKAN BERPINDAH KE PARLIMEN DAN TEMPAT MEREKA DIAMBIL ALIH OLEH RAKAN MEREKA YANG DAHULUNYA MENJADI ANGGOTA PARLIMEN.

BAGAIMANAPUN BELIAU ENGGAN MENERANGKAN SIAPAKAH ANTARA MEREKA YANG TERLIBAT DENGAN PERUBAHAN ITU.

LAPORAN-LAPORAN AKHBAR MENYEBUT MENTERI-MENTERI BESAR JOHOR, PAHANG, TERENGGANU DAN KELANTAN AKAN BERPINDAH KE PUSAT ATAU BERSARA.

TEMPAT MEREKA DISEBUT-SEBUT AKAN DIAMBIL ALIH OLEH TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, HAJI MUHYIDDIN YASSIN (JOHOR); MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK HAJI KHALIL YAKOB (PAHANG); TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI SENATOR DATUK DR YUSOF NOOR (TERENGGANU) DAN BEKAS TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK ABDULLAH AHMAD (KELANTAN). -- LAGI.  
1340MST 21 07 86

MAHATHIR - CALON 2 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi BARISAN NASIONAL (BN), BERKATA SUDAH MENJADI PERKARA BIASA BAGI BN UNTUK MEMINDAH-MINDAH PUCUK PIMPINANNYA JIKA DIDAPATI PERLU.

KATANYA BN JUGA TELAH MEMBERESKAN SEGALA URUSAN PEMBAGIAN KERUSI KECUALI SATU DUA PERKARA YANG DIJANGKA DAPAT DISELESAIKAN HARI INI.

KATANYA NAMA BARISAN CALON UMNO AKAN DIUMUMKAN OLEH Pengerusi PERHUBUNGAN UMNO NEGERI-NEGERI RABU INI, SEHARI SEBELUM PENAMAAN CALON.

MANIFESTO BN AKAN DILANCARKAN SECARA RASMI PADA HARI YANG SAMA, KATANYA.

BELIAU MENGULANGI KEYAKINANNYA BN AKAN MEMENANGI PILIHAN RAYA UMUM PARLIMEN DENGAN MAJORITI DUA PERTIGA ATAU LEBIH BESAR LAGI. -- LAGI.

1400MST 21 07 86

U B468 DEB  
MAHATHIR - CALON 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU SENDIRI AKAN MENGEMUKAKAN BORANG PENCALONANNYA DI PEJABAT DAERAH KUBANG PASU PADA HARI KHAMIS.

MENGENAI CALON PAS DI KUBANG PASU, YANG MENURUT LAPORAN-LAPORAN AKHBAR IALAH DR AZIZAN HAJI ISMAIL, BELIAU BERKATA TENTUNYA ORANG YANG DIPILIH OLEH PAS ITU BERKALIBER UNTUK MENJADI PERDANA MENTERI.

+SAYA MERASAKAN TENTUNYA PAS TELAH PUN MEMILIH SESEORANG YANG INGIN MENJADI PERDANA MENTERI MEMANDANGKAN MEREKA BERCIITA-CITA UNTUK MEMERINTAH NEGARA INI,+ KATANYA.

+SAYA INGIN MELIHAT PERDANA MENTERI MEREKA ITU. KITA AKAN LIHAT SIAPAKAH PERDANA MENTERI MEREKA YANG AKAN MENENTANG SAYA (DI KUBANG PASU).

+SEKIRANYA SAYA MENANG, ADALAH DIHARAPKAN PARTI SAYA MASIH MEMERLUKAN SAYA SEBAGAI PERDANA MENTERI. JADI LAWAN SAYA ITU TENTUNYA SAMA KEDUDUKAN DENGAN SAYA UNTUK MENJADI PERDANA MENTERI DALAM KERAJAAN APA YANG MEREKA PANGGIL KERAJAAN ISLAM. -- BERNAMA  
1426MST 21 07 86